

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 12 BILANGAN 51 RABU 20 DISEMBER, 1967

1387 رابو 18 رمضان PERCHUMA

D.Y.M.M. RASMIKAN SAMBUTAN NUZUL AL-KORAN

"Brunei berkehendakkan orang2 yang berilmu pengetahuan," titah baginda

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Hassanah Bolkiah Muiz-zaddin Waddaulah telah merasmikan pembukaan sambutan Nuzul Al-Kor'an yang ka-1,400 tahun yang di-langsungkan di-Mahligai di-lagoon Masjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei pada malam 18 Disember lepas.

Dalam titah ucapan sejurus sa-belum merasmikan pembukaan sambutan itu, Baginda telah mengingatkan semula keadaan yang membawa kepada lahirnya kitab suci Al-Kor'an dan menyatakan harapan Baginda semoga sambutan itu akan lebih mende-katkan lagi umat Islam kepada Al-Kor'an.

Baginda bertitah bahawa Al-Kor'an itu ia-lah kitab suci yang boleh di-jadikan petunjuk dan pimpinan umat manusia dalam menjalani hidup-nya di-dunia ini dan oleh sebab itu-lah Paduka Ayahanda Baginda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan telah berusaha untuk menchatetkan perasmian Uga-ma Islam itu dalam Perlembagaan Negara Brunei.

Duli Yang Maha Mulia telah mengucapkan terima kasih kepada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan kerana pandangan yang luas itu. Baginda bertitah bahawa ada-lah patut benar bagi raayat Brunei merafakkan terima kasih kepada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan.

Duli Yang Maha Mulia kemudian-nya telah menyentuh tentang kemajuan dan perkembangan di-Brunei.

Baginda bertitah, untuk mendukung dan memelihara kemajuan dan perkembangan itu, maka Brunei sangat2-lah berkehendakkan orang2 yang berilmu pengetahuan dan pakar dalam segala jurusan.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan bertitah bahawa bekas Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah meletakkan asas2 kemajuan dan perkembangan negeri ini serta telah mengambil perhatian yang berat terhadap perkembangan ilmu pengetahuan dan Baginda menveru-

penuntut2 supaya belajar bersungguh2 dan menjadikan diri mereka sa-bagai orang2 yang berkelayakkan.

Baginda bertitah, "Beta akan meneruskan chita2 dan asas2 yang telah di-letakkan oleh Paduka Ayahanda beta itu dan berseru kepada raayat beta sekalian, khas-nya penuntut2 yang maseh di-bangku sekolah supaya menyedari akan proses kemajuan dan perkembangan negeri ini serta mena-namkan semangat yang tidak

(LIHAT MUKA 8)



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan kelihatan ketika merasmikan pembukaan Mahligai yang berlangsung pada malam 18 Disember yang lalu.



Gambar atas menunjukkan Mahligai yang di-bena di-Lagoon Masjid Omar Ali Saifuddin yang menelan belanja kira2 \$500,000.00.

UNDANG2 PERBEKALAN TAHUN 1968 LULUS

BANDAR BRUNEI. — Majlis Mashuarat Negeri telah meluluskan Rang Undang2 Perbekalan kerana menyediakan peruntukkan sa-banyak \$189,431,399 bagi perkhidmatan awam tahun depan, tanpa pindaan.

Peruntukkan tersebut, ia-itu jumlah yang terbesar pernah di-luluskan oleh kerajaan, termasuk \$50.8 juta rancangan kemajuan dan \$24 juta kerana perkhidmatan2 rampaian.

Pegawai Kewangan Negara, Yang Berhormat Dato Setia Awang John Lee yang merujuk kepada bacaan kali ketiga rang tersebut, selepas lima hari di-jalankan perbahathan telah mengucapkan terima kasih kepada Ahli2 Yang Berhormat dalam majlis, kerana dengan sabar membahath perkara peruntukkan itu, dalam jawatankuasa.

Dato John Lee, ketika membentangkan rang tersebut pada hari Isnin berkata, pendapatan negara tahun 1968, mungkin berjumlah dalam lengkungan \$157.9 juta dan perbelanjaan sa-banyak \$136.5 juta dan ini memberikan kelebihan sa-banyak \$21 juta.

Dato Lee berkata, memandang kepada rancangan kemajuan berjalan dengan pesatnya, maka ada-lah perlu untuk menyediakan sa-jumlah \$58.5 juta bagi menambahkan wang baki dalam kumpulan wang rancangan itu.

Dari jumlah itu, maka \$21 juta akan di-keluarkan dari wang kelebihan tadi, dan sa-banyak \$37.5 juta dari wang simpanan yang di-kumpulkan.

(LIHAT MUKA 8)

PEGA WAI KEWANGAN NEGARA KAJI KEDUDOKAN

Saya berdiri kerana hendak menchadangkan Pembacaan Kedua dari Rang Undang2 yang tertelak di-bawah nama saya, ini-itu yang bergelar "Satu Undang2 untuk mengunakikan sejumlah wang daripada Fund Yang di-Satukan bagi perkhidmatan2 Tahun 1968" dan bagi menguntokkan wang tersebut untuk maksud2 yang tertentu. Dalam kesempatan yang sama, saya ingin juga hendak mengambil peluang mengkaji semula kejadian yang mempunyai pengaruh terhadap kewangan sepanjang tahun 1967 dan bagi meramalkan kemungkinan2 mengenai kedudukan kewangan pada penutupan tahun 1967 dan sepanjang tahun 1968.

Bahawa ada dua kejadian2 utama mengenai kewangan di-Brunei dalam sepanjang tahun 1967, kedua2-nya ia-lah mengenai mata wang. Pertama ia-lah pengeluaran oleh Kerajaan Brunei, mata wang-nya yang tersendiri dan yang kedua ia-lah, pengurangan nilai Sterling. Berikutan dengan keputusan Pesuruhjaya2, Lembaga Mata Wang Malaya dan British Borneo untuk menamatkan pengeluaran-nya dan negeri2 Malaysia, Singapura dan Brunei akan mengeluarkan mata wang-nya sendiri, Kerajaan Brunei menubuhkan satu Lembaga Mata Wang mengikut dengan peratoran2 dari Undang2 Mata Wang 1967. Lembaga memulakan pengeluaran matawang2 kertas-nya pada 12hb. Jun, 1967 dan wang2 shiling pada 22hb. Ogos, 1967. Mata wang Brunei yang baru itu mempunyai satu perimbangan yang dinyatakan dalam syarat2 emas yang pada tarikh pengeluaran-nya sama dengan 2/4d. Maka oleh sebab itu, berkeungkinan-lah bagi menukarkan wang2 kertas dan shiling yang telah di-keluarkan oleh Pesuruhjaya2, Lembaga Mata Wang Malaya dan British Borneo dengan mata wang yang di-keluarkan oleh Kerajaan Brunei dengan nilai yang sama. Penukaran ini telah berjalan dengan lancar-nya dan sebagaimana yang telah di-atorkan bahawa matawang2 yang di-keluarkan oleh Bank Negara Malaysia dan Kerajaan2 Singapura dan Brunei dapat di-tukarkan dengan nilai yang sama, dengan tidak ada kesusahan2 yang berlaku kepada orang ramai, mata wang yang lama dan ketiga2 mata wang baru saling beredar di-antara satu dengan yang lain-nya.

Pada 19 November, 1967 datang-lah berita yang mengemukakan bahawa di-samping jaminan2 yang berulang2 di-

Kedudukan kewangan bagi tahun 1967 dan meramalkan kemungkinan-nya di-sepanjang tahun 1968



Y.B. Dato Setia Awang John Lee

berikan menjadi bertentangan, pound sterling telah di-kurangkan nilai-nya dalam syarat2 emas dan ringgit Amerika dengan 14.3%. Oleh kerana ringgit Brunei mempunyai perimbangan dengan emas, pengurangan nilai mata wang Brunei, tidak-lah dengan sendiri-nya mengikut tetapi Kerajaan telah di-hadapi supaya mengambil satu keputusan segera sama ada untuk mengurangkan nilai ringgit Brunei sejajar dengan sterling atau berusaha bagi mempertahankan perimbangan - nya dengan emas. Masaalah asas mengenai-nya ia-lah. Di-bawah syarat2 Perlembagaan, penanaman2 modal Brunei hampir keseluruhan-nya dalam sterling dan sunggoh pun langkah2 telah di-ambil bagi menukarkan dalam bidang penanaman modal-nya bagi memasokkan saham2 persamaan sebagai satu penjagaan terhadap inflasi, pengurangan nilai mempunyai kesan yang sama di-Brunei, seperti sama juga hal-nya dengan keseluruhan-nya di-dunia. Kerajaan sama ada mengurangkan nilai ringgit Brunei yang akan tidak mengalami kerugian buku dari penanaman2 modal atau menurunkan nilai dari penanaman2 modal dan mempertahankan perimbangan emas. Brunei boleh-lah di-katakan semata2 bergantung kepada import. Negeri ini tidak menchukopi bagi keperluan2-nya dalam mendapatkan barang2 makan-

an utama-nya, barang2 atau perkhidmatan2 dan barang2 di-bawa masuk ada-lah diperlukan daripada negeri2 dalam kawasan sterling dan yang bukan sterling. Di-sebalek-nya pula, Brunei hanya mempunyai satu sahaja bahan export, ia-itu minyak, dan susunan2 bagi mendapatkan pasaran untuk pengeluaran ini ada-lah sedemikian rupa di-mana Brunei tidak-lah mengalami kesukaran2 untuk mendapatkan pasaran2-nya di-seluruh dunia. Jika sekira-nya ringgit Brunei di-kurangkan nilai-nya, sunggoh pun buku2 Kerajaan akan menjunjukkan sedikit sekali perubahan, tetapi penduduk2 Brunei akan di-hadapi dengan satu kenaikan segera dalam perbelanjaan sara hidup. Makanan utama ia-lah beras yang di-import daripada satu kawasan yang bukan Sterling. Maka oleh sebab itu, harga beras akan naik 40 ka 50 sen segantang. Sama juga hal-nya dengan barang2 yang ada di-kedai2 yang datang-nya di-luar kawasan sterling akan juga naik harga-nya kira2 14 ka 15%. Dengan tanpa mengetahui keputusan2 yang kemudian-nya di-ambil oleh negeri2 lain dalam dunia, Brunei harus-lah membuat keputusan sama ada atau pun tidak untuk mempertahankan perimbangan mata wang-nya atau di-kurangkan.

Sesudah mempertimbangkan nya dengan teliti, bahawa telah di-putuskan ia-itu akan mendatangkan faedah kepada penduduk2 Brunei daripada satu perimbangan yang tinggi dalam syarat2 dari sterling dan keputusan telah di-ambil tidak akan mengurangkan-nya, satu kesan - nya ringgit Brunei sekarang ia-lah berharga 2/8.67d. berbanding dengan nilai yang lama 2/4d. Kerajaan2 Malaysia dan Singapura juga telah memutuskan tidak akan mengurangkan nilai2 mata wang mereka dan jadi-nya berkemungkinan-nya-lah bagi meneruskan kemudahan2 dapat di-tukarkan dengan bebas-nya di-antara tiga mata wang.

Malang-nya pula keputusan untuk tidak mengurangkan mata wang Brunei telah di-halangi oleh pengurangan nilai

dengan sendiri-nya dari mata wang yang di-keluarkan oleh Pesuruhjaya Lembaga Mata Wang, Malaya dan British Borneo. Di-bawah Perjanjian Mata Wang, perimbangan ringgit yang di-keluarkan oleh Pesuruhjaya2, Lembaga Mata Wang, Malaya dan British Borneo telah di-tentukan sebanyak 2/4d dan perimbangan ini tidak dapat di-robah dengan tanpa persetujuan sebulat suara daripada ketiga2 kerajaan. Sunggoh pun penduduk2 Brunei mempunyai kesempatan yang besar bagi menukarkan wang lama mereka dengan wang baru, tetapi masih juga sebilangan besar mata wang yang di-keluarkan oleh Pesuruhjaya2 Lembaga Mata Wang Malaya dan British Borneo yang beredar di-Brunei dan nyata-lah terjadi-nya kekeliruan kepada orang ramai, jika kedua mata wang yang lain-nya mempunyai perimbangan yang berlainan2. Walau bagaimanapun, Kerajaan Malaysia tidak bermaksud untuk menilai semula ringgit yang di-keluarkan oleh Pesuruhjaya2, Lembaga Mata Wang Malaya dan British Borneo. Kerajaan Brunei tidak mempunyai pilihan lain tetapi harus bertindak demikian juga kerana undang2 memerlukan persetujuan sebulat suara daripada ketiga2 Kerajaan dan ini tidak mungkin di-chapai. Kerajaan Brunei tidak dapat menaikan perimbangan ringgit Malaya yang lama yang beredar di-Brunei sebab ini akan berarti bahawa Kerajaan Brunei mengeluarkan ringgit yang bernilai 2/8.67d dan menerima sebagai penukaran-nya ringgit Malaya yang lama, yang dapat di-tebus oleh Pesuruhjaya2, Lembaga Mata Wang Malaya dan British Borneo dengan satu harga sebanyak 2/4d. Nyata-lah wang2 kertas dan shiling dari mata wang yang lama akan membanjiri masuk ka-Brunei daripada Malaysia dan Singapura dengan satu harga sedemikian besar pula kepada Kerajaan Brunei, satu kedudukan yang tidak dapat di-terima sepenoh-nya. Keadaan di-Malaysia dan Singapura lebeh burok lagi daripada di-Brunei, bukan saja disebabkan melibatkan jumlah-nya yang lebeh besar tetapi juga di-sebabkan sesudah hari pehak2 yang berkuasa mengeluarkan mata wang mengalami satu kekurangan yang dahshat dari wang2 shiling 5 sen dan 10 sen. Maka oleh sebab itu, Kerajaan2 Singapura dan Malaysia menaikan perimbangan dari wang2 shiling 5 sen dan 10 sen yang lama

PENDAPATAN NEGARA DI-SEPANJANG TAHUN 1967

DARI MUKA 2

menyamai yang baru. Tetapi di-sebalek-nya pula tidak ada kekurangan terhadap wang2 shiling baru Brunei. Walau bagaimana pun, bahawa telah di-putuskan bagi meneruskan nilai wang shiling 5 sen dan 10 sen yang di-keluarkan oleh Pesuruhjaya2 Lembaga Mata Wang Malaya dan British Borneo dengan pertimbangan yang sama dengan wang2 shiling dan kertas lainnya yang telah di-keluarkan oleh Lembaga Mata Wang yang lama.

Bagi merobah pertimbangan wang2 shiling 5 sen dan 10 sen di-Brunei, bukan saja akan menyebabkan kekeliruan tetapi juga akan mendatangkan kerugian besar kepada penduduk2 negeri ini yang telah menukarkan wang2 shiling mereka. Jarang sekali berlaku, satu mata wang yang baru, dilahirkan dalam satu masa, dari kekacauan kewangan antara bangsa, tetapi walau bagaimana pun, ia-nya dapat membuktikan kemantapan-nya dan saya percaya bahawa terus tetap demikian.

Berikutan dengan pengurangan nilai pound, Ringgit Amerika dengan segera mengalami tekanan yang berat. Saperti Ahli2 Yang Berhormat mengetahui, nilai mata wang di-seluruh dunia adalah berdasarkan kepada bersedianya Kerajaan Amerika Shariat untuk menjual emas dengan harga 35 ringgit Amerika bagi satu ounce. Ini menentukan pertimbangan ringgit Amerika dan sebak-nya pula semua mata wang di-dunia adalah di-nyatakan dalam emas atau dalam shariat2 mata wang yang dapat dengan mudah-nya di-tukarkan menjadi emas. Bahawa berlaku-lah keributan yang belum pernah terjadi dahulu-nya peruntukan2 untuk membeli emas yang mengakibatkan kekuatan ringgit Amerika terjamin. Jika sekira-nya Kerajaan Amerika boleh meneruskan bagi membekalkan emas dengan harga yang ada sekarang ini ringgit Amerika ada-lah selamat tetapi jika desakan2 tersebut terus-menerus, bahawa ada-lah perlu bagi Kerajaan Amerika untuk menaikkan harga-nya bagi penjualan emas, di-mana tentu-nya akan berarti bahawa ringgit Amerika kemudian-nya ada-lah juga akan di-ku-rangkan nilai-nya. Pound Sterling dan Ringgit Amerika ada-lah dua buah mata wang2 simpanan dalam sistem kewangan antara bangsa dan perubahan kepada salah satu di-antara-nya akan membawakan perubahan timbal balek di-seluruh

JAWATANKUASA KAJI ANGGARAN PERBELANJAAN TAHUN 1968 DI-BENTOK TERDIRI DARI AHLI2 MMN

dunia. Walau bagaimana pun ada-lah di-harapkan bahawa sifat berebut2an yang ada sekarang ini untuk membeli emas pada umum-nya ia-lah di-desakan oleh ramalan saja dalam tempoh yang singkat negeri2 dalam dunia akan dapat kembali kepada perdagangan biasa dengan tiada merasa ketakutan bahawa sistem kewangan yang telah iktiraf itu tidak akan runtuh.

Berbalek sekarang kepada Neracha Kira2 Negeri bagi tahun berakhir pada 1967, Ahli2 Yang Berhormat akan nampak bahawa sungguh pun saya telah menganggarkan ia-itu Hasil Masok pada 1967 akan berjumlah sebanyak \$143.3 juta, saya sekarang menimbangkan - nya pula bahawa ada kemungkinan-nya hanya-lah sebanyak \$136.6 juta. Sebab-nya perkara ini ia-lah bahawa ada perubahan2 yang tertentu mengenai keuntongan Sharikat Minyak untuk tujuan chukai ada-lah di-perhitungkan akan berubah di-sepanjang tahun. Ini, walau bagaimana pun, telah tidak di-chapai, sungguh pun pada mula-nya telah di-jangka tetapi perubahan2 itu akan mulai berlaku dalam tahun 1968. Di-sebak-nya pula, perbelanjaan yang telah di-perhitungkan sebanyak \$113.7 juta ada-lah kemungkinan-nya sekarang tidak akan melebihi daripada \$100 juta. Maka oleh sebab itu, ada satu kelebihan yang berulang2 lebih kurang sebanyak \$36.6 juta dan sesudah membuat penilaian semula dari Penanaman2 Modal, Neracha Kira2 Hasil Masok Yang Di-Satukan akan mempunyai satu baki sebanyak \$673.8 juta.

Dalam masa lima tahun yang lampau bahawa telah terjadi satu tanda yang nyata dalam penambahan Perbelanjaan Kerajaan Yang Berulang. Ini ada-lah di-sebabkan oleh ranchangan kemajuan yang luas yang menaikkan perbelanjaan sara hidup dan juga

di-sebabkan bertambah besar-nya perkhimatan2 lain dalam semua bidang. Sungguh pun perbelanjaan yang besar oleh Kerajaan membawakan faedah2 kepada orang ramai dengan jalan bertambah berkembang - nya ekonomi, bahawa ada-lah perlu ia-itu Perbelanjaan Yang Berulang2 patut-lah tidak terkeluar daripada langkah dengan Hasil Masok Kerajaan telah mengambil perhatian bagi menentukan bahawa penambahan dalam Perbelanjaan Kerajaan hendak-lah di-hadkan kepada yang membawa faedah2 langsung untuk negeri ini dan dengan tujuan ini-lah bahawa satu Jawatankuasa yang terdiri daripada Ahli2 Majlis ini telah di-lantik untuk mengkaji Anggaran2 yang telah di-kemukakan oleh Ketua2 Jabatan. Tiap2 satu perkara telah di-pertimbangkan dengan teliti-nya dan Rang Anggaran Perbelanjaan bagi tahun 1968 yang di-bentangkan di-atas meja Mejlis Persidangan ini ada lah merupakan hasil daripada kerja2 Jawatankuasa tersebut.

Gambaran untuk masa depan masih sangat mengembirakan. Sumber2 utama Hasil Masok akan terus merupakan daripada minyak juga dan kemungkinan2-nya-ada-lah sangat baik. Brunei ada-lah bernasib baik kerana mempunyai Padang2 Minyak yang di-olah oleh sebuah shariat yang terkenal di-seluruh dunia dan yang selalu bersedia untuk bekerja sama dengan Kerajaan bagi faedah2 negeri. Dengan perasaan muhibbah daripada kedua2 belah pihak bahawa telah dapat di-elakkan ikatan undang2 yang kait-mengait dimana kebanyakan negeri2 yang mengeluarkan minyak di-dunia mendapati diri mereka berada sekarang ini. Sungguh pun pengeluaran minyak berkurangan daripada tahun 1957 hingga ka-tahun 1964, minyak yang di-dapati di-pantai ternyata lebih mengeluarkan minyak dan shariat yang berkenaan telah berhasil memperkembangkan bidang ini. Akibat-nya, Hasil Masok daripada sumber ini sekarang telah bertambah dan ada-lah di-harapkan akan terus bertambah banyak lagi. Pengorekan minyak di-tepi pantai juga mempunyai simpanan yang besar di-alam dan ada-lah juga di-harapkan bahawa satu pasaran akan di-peroleh untuk-nya.

Hasil Masok pada 1968 ada kemungkinan - nya sebanyak \$157.9 juta dan perbelanjaan \$136.5 juta memberikan satu kelebihan Hasil Masok sebanyak \$21 juta. Tetapi walau ba-

gaimana pun. Ranchangan Kemajuan pula telah sampai ke-puchak-nya, dan ada-lah perlu pula bagi mengadakan satu jumlah \$58.5 juta bagi menambah baki Fund Kemajuan. Wang sejumlah \$21 juta ini akan di-ambil daripada kelebihan perbelanjaan yang berulang2 dan \$37.5 juta daripada simpanan2 yang di-kumpulkan.

Perbelanjaan Kemajuan di-sepanjang tahun 1967 ada-lah di-jangka lebih kurang sebanyak \$55 juta yang akan meninggalkan satu baki dalam Fund sebanyak \$28.8 juta. Dengan sumbangan sebanyak \$58.5 juta bahawa akan ada pada tahun hadapan satu jumlah sebanyak \$87.5 juta. Bahawa tidak ada kemungkinan-nya jumlah sepenoh-nya akan di-perlukan tetapi ada-lah molek untuk membuat peruntukkan yang menchukupi supaya ranchangan2 tidak terhalang kerana kekurangan fund.

Semenjak tahun 1962 manakala Ranchangan Kemajuan yang ada sekarang di-mulakan, perkembangan perbelanjaan Kemajuan telah tersekat pada tiap2 tahun oleh kerana kemampuan perbelanjaan, Negeri. Bahawa bilangan arkitek ada-lah terhad, jurutera2, juru2 ukur dan kontrektor2 tidak mungkin dapat menyelesaikan projek2 dengan segera. Tetapi, walau bagaimana pun, sechra beransor2, kedudukan-nya sekarang telah bertukar dan ada-lah mungkin bagi Kerajaan untuk berbelanja mengenai kerja2 Kemajuan lebih chepat saperti yang di-perlukan bagi kebaikan negeri. Maka oleh sebab itu, ada-lah perlu sekarang bagi membuat peringkat mengenai Perbelanjaan Kemajuan supaya ranchangan2 yang membawakan faedah yang besar kepada ekonomi negara dapat di-selesaikan dahulu dan ranchangan2 lain-nya tidak berapa di-perlukan benar di-tanggohkan dahulu. Oleh sebab itu, bahawa ada-lah di-maksudkan bagi menyelaraskan Perbelanjaan Kemajuan dalam jumlah sebanyak \$40 juta hingga ka \$50 juta setahun, jika suntikkan kedalam ekonomi dengan jalan perbelanjaan Kerajaan ada-lah di-bentangkan dalam satu tempoh yang panjang dan negeri ini tidak-lah akan tertalok kepada satu perbandingan jangka pendek dari keadaan2 yang melambong tinggi.

Satu kadar perbelanjaan yang tinggi oleh Kerajaan mengalakkan perusahaan private dan ada-lah mengembira-



20 DISEMBER, 1967

KESAN SAMBUTAN NUZUL AL KOR'AN

SA-HINGGA 25 Disember, 1967 Brunei sedang merayakan sambutan Nuzul Al-Kor'an atau sambutan turunnya kitab suci Al-Kor'an yang ke-1,400 tahun sa-chara besar2an. Dalam jangka waktu itu seluruh raayat baik yang bukan beragama Islam apa lagi orang2 Islam sendiri telah sama2 merayakan sambutan tersebut. Bersempena dengan itu juga, maka Mahligai yang menelan belanja pembenaannya sa-banyak kira2 \$500,000.00 itu telah di-rasmikan pembukaan-nya oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan dan kerana memperingati Nuzul Al-Kor'an, Jabatan Pos telah mengeluarkan setem2 khas.

Umum telah mengetahui bahawa sambutan itu ada-lah kerana memperingati turunnya kitab suci Al-Kor'an yang sudah barang tentu di-kalangan Umat Islam sendiri mengalu2kan sambutan yang mulia itu.

Di-sepanjang sambutan itu di-jalankan, berbagai2 achara telah di-adakan yang tujuan utama-nya tentu sekali untuk menanamkan kesedaran yang mendalam di-kalangan Umat Islam terhadap kitab suci Al-Kor'an untuk benar2 berpuhuti kepada ajaran2 yang terdapat di-dalam-nya, kerana Al-Kor'an bukan-lah menyekat atau pembendung kemajuan dalam berbagai2 bentuk dan rupa kemajuan yang terdapat dalam dunia sekarang ini.

Dalam ranchangan2 khas di-Radio kerana memperingati turunnya Al-Kor'an itu kita telah di-bekalkan dengan sharahan2 yang dapat-lah di-anggap sa-bagai menghuraikan kekusutan2 dan kesedaran pada memahami kandungan Al-Kor'an, terutama sekali terhadap Umat Islam sendiri yang kurang memahaminya. Dengan itu serba sedikit sekarang kita telah mengikutinya dan pada yang benar2 mengikutinya, maka dapat-lah membuat satu kesimpulan bahawa sa-benar2-nya-lah Al-Kor'an itu tidak bertujuan untuk membedong bagi mencapai apa juga bentuk rupa dari apa yang di-katakan 'kemajuan'. Chuma untuk mencapai kemajuan itu, Al-Kor'an mengingatkan kita supaya mengikutinya lunas2 yang di-redhai ketika kita hendak mengejar kemajuan itu, kerana jangan sampai umat Islam sendiri terjerumus ka-suatu jurang yang tidak di-ingini lebeh2 lagi jika sampai kepada suatu jurang yang boleh memudarkan kesucian Uagama dan menjahanamkan kema'moran negara yang sa-tidak2-nya pula menimbulkan kemalaratan terhadap raayat-nya.

Renchana 'Matalamat Kemerdekaan

Satu Kenyataan telah di-keluarkan dengan sabda dan berkenan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan mengulas renchana yang bertajok "Matalamat Kemerdekaan untuk Brunei" yang di-siarkan dalam Utusan Malaysia keluaran 28 November.

Kenyataan itu menerangkan bahawa renchana itu yang di-terbitkan di-bawah nama Awang M. Razali ada-lah mengelirukan dan menyalah ertikan sabda D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan dalam satu temu ramah di-Istana Darul Hana dengan wakil Utusan Melayu pada 23 Oktober, 1967.

Kenyataan itu juga menerangkan bahawa ramalan2 dalam renchana yang di-siarkan oleh Utusan Malaysia itu mengelirukan dan tidak berasas serta berlainan dari maksud D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan yang sa-benar-nya.

Yang berikut ia-lah kenyataan itu dengan sa-penoh-nya.

RAMALAN yang di-buat oleh Awang M. Razali, dalam artikel-nya yang bertajok "Matalamat Untuk Kemerdekaan Brunei" yang tersiar dalam Utusan Malaysia keluaran 28hb. November, 1967 mengenai sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan di-Istana Darul-Hana, di-dalam satu temu ramah dengan wakil Utusan Melayu, pada 23hb. Oktober, 1967, nampak mengelirukan dan tidak berasas berlainan dari maksud yang sa-benar-nya. Dengan kata yang lain sabda baginda itu telah di-salah artikan dan di-gunakan untuk maksud lain.

Oleh kerana, Dato' Seri Laila Jasa Haji Mohd. Jamil dan Pengiran Dato' Paduka Haji Mokhtar Puteh hadir dalam temu ramah itu, mengetahui benar2 apa yang terjadi dan apa yang di-maksudkan oleh sabda itu mengatakan bahawa ramalan2 yang di-buat itu tidak berpandukan kenyataan yang sa-benar. Dengan kata yang lain, penulis itu membuat ramalan-nya menurut maksud kesukaan hati-nya sahaja, dengan tidak memahami keadaan negeri Brunei dan penduduk-nya yang sa-benar-nya. Apa yang telah di-sabdakan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan yang sudah itu cukup jelas dan telah di-terangkan dengan kenyataan berikut-nya.

Saperti yang di-katakan oleh Awang M. Razali dalam artikel-nya mengenai istilah kemerdekaan sa-sabua negara itu, bukan-lah bersangkut paut dengan sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan itu. Hal ini, tidak-lah perlu di-persoalkan lebeh panjang lagi, akan tetapi yang menjadi masalah ia-lah perkara yang mengenai jalan yang baik untuk mencapai-nya dengan tidak merugikan kepada negara dan raayat dan nekmata kemerdekaan itu pula dapat di-rasai oleh seluruh raayat dengan artikata yang sa-benar-nya.

Tentu-lah tidak bijak, kalau di-katakan raayat Brunei pada masa ini di-katakan mengalami sejarah pahit, sa-bagai tanah jajahan dan penderitaan itu mengalir di-dalam darah raayat jika di-banding dengan keadaan dan apa yang sedang di-rasai oleh raayat Brunei yang sa-benar-nya yang mana negara Brunei bukan-lah negara yang pernah di-jajah, di-bandingkan dengan negara2 yang merdeka yang pernah menjadi tanah jajahan yang di-tinggikan taraf-nya dari tanah jajahan kepada tanah naungan. Brunei ada-lah sa-buah negara yang raayat-nya sedang menikmati kemudahan2 yang sa-tengah2-nya tidak pernah di-nekmati oleh raayat negeri lain yang sudah merdeka. Jika demikian soal penderitaan ini tidak terbit lagi apa yang di-hadap Brunei pada masa ini ia-lah memesatkan usaha-nya kepada pembangunan untuk menselaraskan keperluan2 yang di-kehendaki oleh negara saperti yang telah di-sabdakan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan bahawa Kerajaan sedang menghantar keluar negeri beberapa penuntut untuk mendapatkan ilmu pengetahuan. Maka mereka ini-lah, kalau mereka berpengetahuan, berpengalaman dan jujur, akan di-harapkan untuk menadabir dan mengendalikan negara mereka sendiri, untuk memberikan faedah kepada negara dan raayat seluruh-nya. Menyebut kemerdekaan ada-lah suatu perkara yang mudah. Tetapi yang lebeh penting mengisi kemerdekaan itu, menjalankan kemerdekaan itu, mengator kemerdekaan itu, mendapatkan kemerdekaan itu, menyusun kemerdekaan itu, dan lain2 supaya kemerdekaan itu, benar2 di-rasai nekmata-nya. Perkara ini boleh-lah di-mithalkan dengan memasak makanan tidak-lah ada guna-nya jika kita masak sahaja bahan2 makanan itu dengan tidak di-tentukan sukatan dan jenis2 bahan masakan yang sa-benar-nya. Jika kita teruskan memasak

Untok Brunei' yg. di-siarkan oleh Utusan Malaysia mengelirukan dan tidak berasas

dengan hantam keromo masakan itu akan jadi juga tetapi tidak dapat di-makan sa-umpama hangus, bangas, hanyir dan sa-bagai-nya, maka akhir-nya di-buang makanan itu.

Kalau begitu jika suara2 ahli yang di-pileh yang duduk di-Majlis Mashuarat Negeri sering kita dengar untok menuntut kemerdekaan bukan-lah dapat di-jadikan keterangan yang menunjukkan Brunei mengalami sejarah kepahitan. Dan begitu juga saperti yang di-sebutkan oleh Awang M. Razali, menurut hukum sain politik bahawa sesuatu negara itu harus memenohi sharat2 dasar yang lima dan sharat2 ini-lah, merupakan dasar sesuatu negara. Dan dasar ini, memang penting bagi sesuatu negara. Akan tetapi yang sama penting-nya, malah lebeh penting ia-lah tujuan daripada dasar negara itu yaani apa-kah tujuan pembentukan negara itu. Tiap2 pembentukan sesuatu negara mesti-lah mempunyai tujuan, dan tujuan itu tidak lain, tidak bukan ia-lah memberikan isi yang sehat kepada pembentukan itu. Atau dengan kata yang lain tujuan pembentukan negara itu ada-lah untuk memberikan keamanan, kema'moran, ketenteraman dan kebahagiaan kepada raayat-nya. Pernah di-katakan oleh sa-orang pendita Yunani yang bernama Epicurus yang hidup pada tahun Dahulu Masehi 342-271 yang berbunyi "Keamanan dan kebahagiaan itu-lah tujuan pembentukan sesuatu negara." Dari kesimpulan di-atas dapat-lah di-ambil kesimpulan bahawa dasar itu di-buat ada-lah untuk mencapai tujuan, dengan demikian jika ditilik dari sudut kepentingan, maka dasar itu ada-lah tertaklok kepada tujuan atau dengan kata yang lain kalau tujuan itu belum dapat tercapai maka dasar itu pun tidak atau belum perlu di-chiptakan. Soal sesuatu negara itu bukan-lah hak kepada lain2 negara pada menchampori-nya. Mengenai negara Brunei, ada-lah soal Brunei sendiri.

Mengenai huraian Awang M. Razali, di-bawah tajok kecil KESEDARAN itu, perkara ini telah pun di-terangkan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan, bahawa perkara ini ada-lah semata2 untuk menjaga keamanan dan ketenteraman negeri Brunei sendiri. Oleh yang demikian, pengarang tersebut tidak-lah kompeten untuk mengadakan penilaian terhadap masalah ini. Demikian juga umpama-nya orang Brunei tentu-lah tidak kompeten juga untok menilai sesuatu negara lain sama ada patut mengadakan undang2 dharurat atau tidak. Perbuatan demikian tentu-lah tidak patut dan tidak berasas kepada perkara yang sa-benar-nya.

PENULONG MENTERI PERTANIAN TOLAK DAKWAAN 3,000 EKAR PADI CHUKOP UNTUK BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Penulung Menteri Pertanian Yang Berhormat Pengiran Damit bin Pengiran Sunggoh telah menolak dakwaan, bahawa 3,000 ekar padi yang dikeluarkan hasil yang banyak ada-lah menchukopi untuk penduduk2 Brunei yang samarai 100,000 orang itu.

Menteri itu berkata kalau-lah satu ekar mengeluarkan hasil sa-banyak 1,000 gantang sa-tahun, 3,000 ekar ialah 3 juta gantang atau 5,000 tan.

Jumlah ini maseh lagi kurang dari keperluan Brunei yang di-taksirkan sa-banyak 12,000 tan sa-tahun.

Ketika berucap di-Majlis Mashuarat Negeri bagi menjawab soalan2 yang di-ke-mukakan, Penulung Menteri itu memberi jaminan kepada majlis bahawa, kerajaan adalah giat dalam menghadapi masa'alah pertanian dan telah membena jalan2 raya di-kawasan2 luar bandar untuk membolehkan peladang2 membawa hasil mahsul mereka kapasar.

Ketika menyatakan, bahawa kerajaan memberi bantuan kepada peladang2 tiap2 tahun dan bantuan itu mungkin akan di-tambahkan di-masa depan Pengiran Damit telah menyeru peladang2 supaya jangan meninggalkan ladang untuk bekerja sa-bagai buroh, beliau berkata berkebutan jika di-jalankan dengan rajin akan memberi pendapatan yang baik.

Beliau berkata, penyiasatan sedang di-jalankan terhadap

kawasan yang baik untuk menanam padi untuk menambahkan hasil padi di-negeri ini.

Kapada ahli2 majlis yang mengharapkan hasil yang chepat dari jabatan perikanan yang baru di-bentuk itu Penulung Menteri itu berkata, jabatan itu sekarang telah mendapat sa-bidang tanah bagi pembenaan kolam ikan dan sedang menjalankan penyiasatan terhadap jenis ikan yang sesuai untuk di-pelihara.

PENYELIDEKAN MENANGKAP IKAN DI-PERAYERAN LAUT BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Pegawai Perikanan Negara Dr. E. Birkenmeier berkata, ranchangan untuk menjalankan satu penyelidikan menangkap ikan di-perayeran laut Brunei, sekarang sedang dalam peringkat ranchangan.

Kata-nya, kerja penyelidikan itu mungkin di-mulakan dalam bulan Februari atau

bulan Mach tahun hadapan, bergantung kapada ketibaan sa-buah kapal menangkap ikan dari Sabah.

Kerajaan Brunei telah menyewa khas sa-buah kapal menangkap ikan dari kerajaan Malaysia bagi membolehkan menjalankan penyelidikan seperti itu.

Dr. Birkenmeier berkata, kerajaan Malaysia sudah pun membenarkan kapal tersebut di-kiriskan ka-Brunei dari Sabah, bagi memudahkan kerja2 penyelidikan yang akan di-lakukan oleh pegawai2 dan kaki tangan Jabatan Perikanan.

PENYELIDEKAN

Kata-nya, satu penyelidikan yang serupa telah di-jalankan di-Brunei dalam tahun 1949, tetapi tidak berhasil.

Sementara itu sa-buah tempat yang sesuai sudah pun diperolehi untuk di-jadikan tambak udang dekat kampung Serdang. Dr. Birkenmeier berkata, kerja pembenaan tambak itu akan di-mulakan tidak lama lagi.

Di-bawah ranchangan kemajuan perikanan, pehak kerajaan merancang untuk membena kolam2 ikan dan tambak udang di-negeri ini, bagi menjamin tambahan bekalan makanan berzat protein bagi penduduk2 di-Brunei.

PERCHUBAAN

Jika projek perhubungan di-kampung Serdang itu terbokti berjaya, kerajaan akan menggalakkan pembenaan tambak2 udang di-lain2 kawasan dalam negeri ini.

Dr. Birkenmeier berkata, terdapat kawasan yang luas di-sepanjang tebing sungai Brunei dan Telok Brunei, bagi pembenaan tambak2 udang.

Pemereksaan hal-ehwal masharakat akhir bulan depan

BANDAR BRUNEI. — Kerajaan telah mengumumkan kemajuan selanjut-nya dalam persiapan bagi menjalankan pemereksaan terhadap sosial dan hal ehwal masharakat pada akhir bulan depan.

Pengumuman itu ada-lah berkenaan dengan latehan bagi 23 orang sa-bagai penyelia pemereksaan itu. Mereka yang di-pilih menjadi penyelia telah memulakan kursus latehan di-Dewan Bahasa dan Pustaka di-Bandar Brunei pada hari Sabtu yang lalu.

Kursus tersebut telah berakhir pada 17 Disember yang lalu.

Tujuan dan maksud utama bagi di-adakan pemereksaan itu ia-lah untuk membekalkan kerajaan dan berbagai2 jabatan yang berkenaan dengan perangkaan penduduk dan sosial yang perlu dan boleh diperchayai bagi membuat dasar2 dan ranchangan2 yang baik bagi perkembangan sosial dan ekonomi.

Chontoh akan di-ambil dari semua kampung di-kawasan2 luar bandar dan di-bandar2. Chontoh itu akan di-ambil sa-chara sambarangan dan ini akan memberi peluang yang sama bagi tiap2 rumah di-tiap2 kampung untuk di-pilih dalam chontoh itu.

Akan tetapi kejayaan pemereksaan chontoh sosial dan hal ehwal masharakat itu adalah banyak bergantung kapada kerjasama dari penghuni2 rumah dalam menjawab soalan2 dengan jujur dan seberapa tepat yang boleh.

Baharui lesen kereta

BANDAR BRUNEI. — Pemangku Pengawal Kenderaan Darat, Pengiran Johari bin Pengiran Ahmad telah mengumumkan bahawa lesen2 kereta boleh di-baharui mulai dari sekarang.

Pembaharuan dapat di-buat di-pejabat2 Kenderaan Darat di-Bandar Brunei dan Kuala Belait.

Pengiran Johari berkata, mulai dari tahun depan lesen2 kereta boleh di-baharui bagi tiap2 sa-bulan tidak tiap2 tiga bulan seperti mana yang lampau.

Beliau berkata permohonan bagi pembaharuan mesti-lah di-sertai dengan insuran,

Bangunan setor2 kerajaan yang baru akan di-gunakan menjelang tahun 1968

BANDAR BRUNEI. — Pembenaan bangunan setor2 kerajaan yang menelan belanja lima setengah juta ringgit, hampir siap.

Pengawal Setor Kerajaan, Awang Anthony Newn berkata, rangkaian bangunan tersebut yang meliputi pejabat2 dan gudang itu, di-jangka siap untuk di-gunakan menjelang pertengahan tahun 1968. Bagaimana pun beliau mengharapkan, sabuah blok gudang akan siap menjelang akhir tahun ini, untuk menempatkan beras.

Kerajaan beri £500 kapada B.A.T.C.

BANDAR BRUNEI. — Brunei telah mengambil keputusan hendak menyumbang sa-banyak 500 paun sa-tahun kapada Pertubuhan Bekas Anggota2 Tentera Commonwealth.

Sa-orang juruchapak Kerajaan berkata, keputusan itu telah di-buat berikutan rayuan bagi mendapatkan sokongan oleh Earl Mountbatten of Burma, presiden pertubuhan itu.

Setor2 bahru itu bukan hanya bagi membolehkan berbagai jenis barang2 yang diperlukan di-tempatkan dengan tersusun dan teratur oleh kerajaan, tetapi juga memberikan kemudahan2 bagi penempatan barang2 makanan yang perlu.

Brunei membawa masuk beras-nya sechra langsung dari negeri Siam, dan bekalan besar yang chukop mesti-lah ada dalam simpanan, untuk mengatasi kelambatan tibanya pengirisan beras dari Bangkok ka-Brunei.

Kata-nya mengadakan persediaan beras — adalah juga penting, kerana Brunei mengeluarkan sedikit sekali hasil beras.

Beras yang di-bawa masuk telah bertambah kapada 8,000 ton sa-tahun dari 6,000 ton lima tahun dulu, untuk menyediakan keperluan penduduk2 yang semakin bertambah. Ini adalah seimbang dengan keperluan 80 peratus beras bagi negeri ini.

Sementara 20 peratus yang lain-nya, di-hasilkan oleh peladang2 tempatan.

BRUNEI DENGAN PERKEMBANGAN DI-MASA DEPAN

DARI MUKA 3

kan untuk melihat perkembangan kemajuan dalam bidang private juga. Bahawa dapat-lah di-harapkan, ini akan bertambah berkembang lagi kerana hanya dengan jalan ini-lah, bahawa satu ekonomi yang sehat dapat di-tubuhkan.

Semasa berucap kepada Ahli2 Yang Berhormat, pada tahun yang lalu mengenai soal perbelanjaan kemajuan, saya telah menekan-kan bahawa tujuan utama Kerajaan ia-lah bagi mengadakan perkhidmatan awam yang chekap dan perhubungan2 yang baik dalam Negeri, di-gandakan dengan perkembangan2 sumber alam dan memperbaiki pertanian. Hingga sekarang ini perlaksanaan ranchangan ini di-teruskan di-sepanjang tahun.

Daripada bidang perhubungan, ranchangan lapangan terbang antara bangsa yang baru yang sebenar-nya telah pun siap, dan peratoran2 menawarkan sedang di-jalankan. Bahawa telah di putuskan untuk membena 12,000 kaki panjang-nya tempat pendaratan yang sanggop menerima kapal terbang yang terberat seperti New Anglo-French Supersonic Concorde. Saya berpendapat, sedikit sekali hendak di-ragukan, bahawa Brunei pada suatu hari akan mempunyai sebuah lapangan kapal terbang yang terbaik dalam wilayah Borneo, dan sebuah lapangan kapal terbang yang dapat di-bandingkan yang terbaik darjah-nya di-Timor Jauh. Ini akan dapat mengembangkan pelancongan dan akan dapat menjadikan Brunei pusat lalu-lintas udara di-Borneo Utara. Bahawa ada juga tanda2 ia-itu Brunei mungkin akan menjadi tempat perhentian perkhidmatan2 dunia antara bangsa.

Satu perluasan sepanjang 330 kaki di-Pelabuhan Brunei ada-lah hampir2 siap dan kapal2 akan dapat berlaboh disana sebelum penutupan tahun 1967 ini. Kontrik ini di-siapkan lebih awal daripada yang telah di-ranchangkan, dan akan dapat melonggarkan tekanan2 pembawaan masuk barang2 sehingga pelabuhan baru Brunei di-Muara di-bena. Ranchangan pelabuhan utama Brunei pada masa ini telah pun sampai kepada peringkat memberikan-nya kepada tawaran untuk pembeanaan-nya, dan ini akan termasuk juga pembeanaan pengkalan tempat memelihara kapal2 Kerajaan dan tempat memperbaiki-nya, yang akan di-bena di-Pulau Muara.

Ranchangan kuasa letrik

utama telah di-siapkan, jentera turbine yang di-gerakkan oleh gas di-Seria, kawat2 yang terentang di-Brunei dan jentera2 diesel di-Gadong telah pun mulai bergerak sepanjang tahun ini. Permittaan untuk mendapatkan kuasa letrik ada-lah terus bertambah, tetapi susunan2 yang telah di-buat akan dapat menentukan bahawa perbekalan yang mencukupi dapat di-berikan di-sepanjang 12 tahun yang akan datang. Satu ranchangan selama lima tahun bagi memodenkan perhubungan2 talikom telah pun di-luluskan. Sistem talikom yang ada sekarang ini ada-lah sudah tua tetapi dengan siap-nya ranchangan seperti yang di-gambarkan tadi akan dapat menentukan bahawa Brunei ada-lah dalam satu peringkat yang sama, jika tidak dapat dikatakan lebih maju daripada negeri2 lain-nya di-Tenggara Asia.

Ranchangan telah pula di-luluskan bagi peruntukkan perbekalan ayer yang di-bersehhkan bagi seluruh daerah2 Brunei dan Muara dan Tutong dengan jalan mengambil ayer daripada Sungai Tutong, yang akan merupakan tambahan kepada perbekalan ayer yang ada sekarang ini. Perbekalan ayer ka-Bandar Brunei yang menyebabkan kekhawatiran di-masa yang lampau yang berpuncha daripada ayer kolam tasek, akan dapat menambahkan sementara dengan ranchangan mengempakan ayer daripada Sungai Kianggeh masuk ka-dalam kolam ayer Tasek dan melalui jentera pemberseh yang ada sekarang ini. Chara ini akan menentukan pembekalan ayer mencukupi untuk bandar sehingga ranchangan utama di-siapkan. Satu ranchangan telah pun di-rangka dan sekarang sedang di-pertimbangkan untuk Kuala Belait dan Seria dan penyelidekan2 sedang di-jalankan di-Temburong.

Dengan bertambah baik-nya perbekalan2 ayer maka berkemungkinan-nya lah bagi melaksanakan ranchangan saloran najis dan baru2 ini kontrik telah pun di-tentukan untuk ranchangan yang seperti itu bagi Bandar Brunei, Kuala Belait dan Seria.

Rangka bagi ranchangan jalan raya untuk Daerah Temburong telah pun di-selesaikan dan tawaran2 bagi pembeanaan-nya akan di-jemput sebelum penutupan tahun 1967 ini, jambatan yang menyeberangi Sungai Temburong ada-lah tiga per-empat siap. Satu ranchangan Jalan raya untuk Daerah Tutong telah pun di-kemukakan dan sekarang ini

sedang di-pertimbangkan. Satu jambatan yang menyeberangi Sungai Brunei ka-Lumapas di-batu 2½ Jalan Tutong ada-lah juga sedang di-rangka.

Mengenai Bangunan2 Kerajaan pula, Lapau dan Dewan Majlis yang merupakan pusat menarik perhatian di-bandar akan siap awal tahun depan. Dan baru-lah kemudian-nya Majlis ini akan dapat mengadakan persidangan-nya dalam keadaan yang lebih sesuai dan persidangan kali ini boleh jadi yang sebenar-nya kali yang penghabisan bangunan yang kita gunakan pada hari ini sebagai rumah tempat persidangan parlimen.

Mengakui betapa perlu-nya bagi mengadakan pelajaran yang terbaik untuk anak2 muda Brunei, Kerajaan ada-lah sedang melaksanakan satu ranchangan yang terator bagi mendirikan bangunan2 yang sesuai dan mencukupi. Ranchangan ini meliputi memperbesar-kan dan memperbaharui sekolah2 yang ada sekarang ini dan membena bangunan2 baru jika di-perlukan. Ranchangan tersebut bukan sahaja bagi mengadakan pelajaran rendah tetapi juga untuk pelajaran menengah dalam Bahasa Melayu dan Inggeris juga untuk Sekolah Vocational dan Pertukangan.

Muzium Negara tidak berapa lama lagi akan di-gena di-atas satu tapak yang menarik hati di-Kota Batu. Kalaupun merupakan kawasan yang paling menarik kepada pengajian purba dan pekarangan-nya yang akan termasuk juga Gubah Makam Sultan Bolkiah akan menjadi satu pusat daya penarik bukan saja kepada penduduk2 Brunei tetapi kepada perpelan c h o n g a n . Langkah2 telah pun di ambil bagi mendapatkan balek bahan2 pertunjukan yang telah dikumpulkan yang merupakan unsur2 kebudayaan. Penduduk2 Brunei mempunyai sebab2 yang baik untuk merasa bangga kerana mempunyai Muzium mereka sendiri.

Bangunan2 untuk Setor2 Kerajaan ada-lah hampir2 siap. Ini bukan saja membolehkan bagi penyimpanan berbagai2 jenis barang2 setor yang di-perlukan dalam perjalanan hari ka-hari Kerajaan dapat di-simpan dengan baik-nya tetapi juga akan dapat mengadakan kemudahan2 bagi penyimpanan barang2 makanan yang di-perlukan.

Kerajaan ada-lah sedar bahawa ketenteraman dan ketegangan dalam Negeri ini hanya dapat di-chapai jika sekiranya ada-nya satu pasokan Pulis yang mencukupi bagi me-

lindungi warga-negara2 yang patoh kepada undang2 daripada yang melanggar undang2 dan hingga sampai pada masa sekarang ini telah membena sebuah Perkaragan Pulis yang baru di-Gadong yang akan dapat memenuhi keperluan negeri ini untuk beberapa tahun yang akan datang.

Satu bangunan baru untuk Jabatan Kenderaan Darat ada-lah juga hampir2 siap dan akan ada kemungkinan-nya bagi pemerekaasaan dan melesen kenderan2 yang banyak dalam negeri bertambah chepat dan lancar.

Beberapa langkah kemajuan telah di-ambil dalam lapangan Hal Ehwal Uagama, Sekolah Menengah Lelaki dan Perempuan akan siap dan sebuah sekolah rendah sedang di-ranchangkan. Masjid2 telah di-bena di-merata tempat dalam negeri ini, dan masjid2 baru ada-lah di-ranchangkan di-mana bangunan2 yang ada sekarang ini sama ada sudah tua atau pun tidak mencukupi lagi. Pejabat2 baru di-Brunei dan Kuala Belait dan sa-buah Madrasah di-Bandar Brunei, telah pun siap.

Sa-buah Kolam Berenang, Olympia Size, yang moden telah pun di-bena di-Bandar Brunei dan ini akan merupakan perkarangan sa-buah Stadium Sokan yang dapat menguruskan semua keperluan yang chenderong dalam lapangan olahraga, sama ada pemain2-nya mahupun penonton2. Sa-buah Pusat Belia ada-lah juga sedang di-bena, yang nanti-nya akan di-lengkapkan juga dengan sa-buah kolam berenang.

Maktab Pertanian Brunei akan di-buka pada tahun 1968, dan Balai Quarantina yang di-chadangkan untuk Haiwan akan dapat menentukan bahawa penternakan binatang2 akan bertambah baik dan boleh di-export dan di-bagi2kan dengan selamat-nya.

Mengenai sumber2 Kekayaan Alam, Satu Tinjauan mengenai Tanah dan Kegunaan-nya pada masa ini ada-lah sedang di-jalankan dengan tinjauan2 dari udara, dengan pengawasan yang sesuai dari bumi. Hasil-nya akan dapat menentukan kawasan2 yang terbaik dalam Negeri ini untuk penanaman jenis2 tanaman2 yang tertentu. Ini akan changan2 untuk perkebunan sechara besar2an dalam kawasan yang paling sesuai. Hingga sampai pada masa ini, bahawa ada-lah juga di-maksudkan untuk menubuhkan sa-buah Pusat Penyelidek Pertanian.

LIHAT MUKA 7

Masjid Bangar siap untuk di-gunakan

TEMBURONG. — Masjid baru di-Bangar sekarang telah siap pembenaan-nya dan akan di-buka dengan rasmi-nya tidak beberapa lama lagi.

Sa-orang juruchakap bagi Jabatan Hal-Ehwal Uagama berkata, masjid itu buat sementara waktu di-beri nama Masjid Utama Mohammad Salleh, sa-bagai menghormati bekas Kadhi Besar dan Penasihat Uagama, Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Haji Mohammad Salleh.

Masjid itu berharga kira2 \$480,000. Jumlah ini termasuk perbelanjaan membeli alat kelengkapan kechuali permadani.

Juruchakap itu berkata, Masjid Utama Mohammad Salleh dapat menampung saramai kira2 500 orang dan ia-nya akan menggantikan masjid lama yang ada sekarang yang akhir-nya akan di-rubohkan.

Juruchakap itu berkata, Jabatan Hal-Ehwal Uagama sekarang sedang mengkaji semula kebolehan masjid2 lama di-seluruh negeri.

Beliau berkata, masjid di-Seria tidak lama lagi akan ditambah untuk memberi tempat kapada orang2 yang bersembayang yang semakin bertambah bilangan-nya itu.

DARI MUKA 6

Kemajuan kehutanan di-sepanjang tahun telah di-tumpukan terutama-nya bagi penambahan pengeluaran kayu2 yang telah di-gergaji daripada hutan2 alam, bukan saja untuk membekalkan kayu2 yang sudah di-gergaji dengan menchukopi untuk memenohi keperluan2 dalam negeri, tetapi juga ada-lah di-maksudkan bagi menubuhkan satu industri export kayu2 yang telah di-gergaji. Beberapa siri penanaman perchuban telah di-laksanakan di-bawah keadaan yang berlainan2 bagi menentukan apa-kah jenis2 yang boleh di gunakan untuk menghu-tankan kembali kawasan seluar 450 batu persegi yang sekarang ini terbiar begitu saja.

Mengenai perkembangan Perikanan pula, tawaran2 akan di-jemput tidak berapa lama lagi bagi pembenaan satu kawasan yang luas-nya 19 ekar untuk perternakan ikan di-Sungai Jambui. Satu kawasan

yang sesuai untuk perternakan udang kolam berdekatan dengan Kampong Serdang adalah pada masa ini di-bawah penyelidikan dan pembenaan-nya akan di-mulakan tidak berapa lama lagi. Kebenaran telah pun di-berikan oleh Kerajaan Malaysia untuk sa-buah kapal penangkap ikan dari — pada Sabah bagi melaksanakan tinjauan2 penangkapan ikan laut yang di-jangka akan di-mulakan pada awal tahun hadapan. Perangkawan mengenai ikan yang ada di-pasar2 Brunei ada-lah di-punggut oleh Merinyu2, dan penangkap2 ikan dengan jaya-nya telah di-galakkan supaya menubuhkan Persatuan2 Penangkap Ikan. Maka dengan jalan ini ada kemungkinan-nya bagi memperbaiki mutu penangkapan ikan dan menurunkan harga2 ikan yang ada untuk orang ramai.

Mengenai kemajuan Sumber2 Kekayaan Bumi, selain daripada minyak, Pegawai Kaji Bumi telah membuat satu tinjauan mengenai

JAWATAN KOSONG

SEBAGAI PEGAWAI IMIGERESEN

Permohonan2 ada-lah di-pe-lawa daripada calon2 lelaki yang menjadi raayat D.Y.M.M. Al-Sultan atau mereka yang berhak di-daftarkan sedemikian untuk memenohi satu jawatan sebagai Pegawai Imigresen di-Pejabat Imigresen and Pendaftaran Kebangsaan, Brunei.

KELAYAKAN2:

(a) Pemohon2 mesti - lah lulus Tingkatan III Inggeris dan darjah IV Melayu. Mereka yang hanya lulus Tingkatan II Inggeris dan Darjah IV Melayu tetapi telah berhidmat di - Pejabat Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan juga akan di-pertimbangkan.

(b) Umor di-antara 17 dan 25 tahun.

Chalon yang berjaya mesti-

lah bersedia bertugas di-mana2 tempat di-negeri ini.

GAJI:

Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB 4 — \$210 x 10 — 270 x 15 — 360 x 20 — 480/EB/500 x 20 — 620.

Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat mesti-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat masing2 siapa di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kemalikan kapada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 5 Januari, 1968.

pasir silica di-Tutong dan tinjauan2 lain-nya ada-lah juga sedang di-ranchangkan di-Muara. Sekumpulan besar batu2 yang baik mutu-nya telah di-dapati di-Daerah Temburong dan kawasan ini merupakan satu tempat yang baik bagi pembenaan sumber2 batu yang akan datang untuk keperluan keseluruhan Negeri ini. Satu pengkajian akan di-buat di-tahun2 yang akan datang mengenai tanah liat, bagi menentukan tanah2 yang baik mutu-nya bagi perkembangan perusahaan batu bata.

Mengenai Ranchangan Bandar dan Negeri pula, satu Rangka yang membentangkan Ranchangan Perkembangan untuk Bandar Brunei sekarang merupakan asas dari perkembangan yang terkawal di-Bandar Brunei. Penyelidikan2 sedang di-teruskan mengenai keperluan2 bagi memperbesarkan kawasan Bandar Bangar. Membuat peta kawasan tersebut ada-lah sedang di-jalankan dan di-jangka akan siap pada akhir tahun ini.

Satu chotoh2 gambaran Tinjauan Sosial akan di-laksanakan den-


gan bantuan Penasehat Persharikatan Bangsa2 Bersatu. Tinjauan ini akan dapat memberikan kapada Kerajaan mengenai beberapa banyak jumlah penduduk dan perang-kawan2 sosial yang sangat di-perlukan untuk meranchangan kemajua ranchangan ekonomi dan sosial pada keseluruhan-nya dalam Negeri ini ada-lah sentiasa di-kaji semula dan saya yakin bahawa Ahli2 Yang Berhormat akan berse-tuju ia-itu faedah2 Perbelanjaan Kemajuan sudah pun mulai di-nikmati oleh penduduk2 negeri ini. Pelaksanaan ranchangan2 seperti yang telah saya bentangkan tadi akan dapat memperkembangkan taraf kehidupan dan juga akan dapat memperchante dan memperindah lagi negeri ini.

Dengan hal yang demikian, saya2 ingin hendak menchadangkan, Dato Yang Di-Pertua Dewan, ia-itu satu Undang2 bagi menggunakan sejumlah wang daripada Fund Yang Di-Satukan untuk perkhidmatan tahun 1968 dan bagi memperuntukkan wang tersebut untuk tujuan2 yang tertentu di-bacha buat kali yang kedua-nya.

SI-TUYU

INDA KARASAHAN TIA PUASA ANI, SAKALI SADAR MALATUP SAJA BADIL..

SAMPAI UCHING MANCHURI PUN INDA KARASAHAN?!



RACHUN DALAM MAKANAN: ORANG RAMAI DI-NASIHTKAN BERJAGA2

BANDAR BRUNEI. — Pengarah Perkhidmatan Perubatan Dato Dr. P. I. Franks telah menasihatkan supaya di-laksanakan langkah berjaga2, bagi mengelakkan berlakunya kejadian berachun dalam makanan sechra tidak sengaja.

Dato Franks mengingatkan kepada pembahagi dan pedagang makanan supaya mengambil langkah2 tersebut, bagi mengelakkan makanan di-angkut dalam satu ketika sebagai bahan2 berachun.

Baharu2 ini di-Amerika Selatan, sejumlah besar orang2 telah mati dan beratus2 lainnya sakit, akibat memakan roti yang di-buat dari tepong yang sechra tidak sengaja berchampur dengan satu bahan yang berachun.

Pengarah Perkhidmatan Perubatan itu berkata, satu kesilapan mungkin mudah berlaku, yang kerana-nya sabuah tempat menyimpan bahan2 berachun mungkin di-buka dengan makanan, dan di-gunakan berasama dengan-nya saperti apa yang berlaku dalam kejadian di-Amerika Selatan itu.

Beliau menchadangkan, setiap kenderaan yang di-gunakan mengangkut bahan2 berachun saperti ubat pembunuh serangga dan rumput rampai, dan lain2 bahan kimia yang berachun, hendak di-basoh dengan bersch-nya sebelum ia-nya di-gunakan untuk meng-angkut barang2 makanan.

Pandangan masa depan Brunei amat-lah baik — Dato John Lee

(DARI MUKA 1)

Dato Lee berkata, pendapat-an bagi tahun ini, mungkin berjumlah dalam lengkongan \$136.6 juta dan perbelanjaan yang telah di-anggarkan sabanyak dalam lengkongan, \$113.7 juta, tetapi perbelanjaan itu mungkin tidak melebehi \$100 juta.

Oleh yang demikian, akan terdapat kelebihan yang berulang sebanyak kira2 \$36.6 juta, dan setelah mensesuaian penilaian semula, penanaman modal, maka kira2 Wang Kumpulan Yang Di-Satukan, mempunyai baki sebanyak \$673.6 juta.

Dato Lee berkata, perbelanjaan kerana ranchangan kema-

juan dalam masa tahun ini, di-jangka sebanyak \$55 juta yang akan meninggalkan baki, sabanyak \$28.8 juta.

Beliau mensifatkan pandangan masa depan sa-bagai amat-lah baik.

Kata-nya, sumber utama pendapatan akan terus merupakan dari hasil minyak, dan harapan-nya ada-lah baik.

Di-samping itu Yang Berhormat Dato Lee telah menyatakannya bahawa tujuan utama kerajaan, ia-lah bagi mengadakan perkhidmatan2 awam, yang baik dan berguna, perhubungan2 di-seluruh negeri, kemajuan sumber2 hasil bumi, dan memperbiki jurusan pertanian.

Dato Lee kemudian-nya

menyatakan, tentang projek2 di-bawah ranchangan kemaju-an yang telah di-laksana, dan sedang di-laksanakan.

Antara-nya, ia-lah pembenaan sa-buah lapangan terbang baru yang mempunyai jarak landasan sejauh 12,000 kaki, yang boleh di-gunakan bagi pendaratan kapal terbang yang paling berat, dan tambahan kawasan, Tambatan, di-Bandar Brunei, jarak 300 kaki.

Dato Lee berkata, ranchangan sudah pun di-luluskan untuk mengadakan bekalan ayer yang bersech, bagi seluroh Daerah Brunei-Muara dan Tutong, dan baru2 ini, tawaran sudah pun di-berikan kepada kontrektor2 kerana ranchangan sistem saloran najis di-Bandar Brunei, Kuala Belait dan Seria.

Berbalek kepada kemajuan sumber2 hasil bumi, selain dari minyak, Dato Lee berkata, Pakar Kaji Bumi Negara, sudah pun membuat satu pengkajian ka-atas nilai pasir silica di-Tutong, dan lain2 pengkajian, sedang di-ranchang mengenai hasil di-Muara.

Jumlah besar batu kelikir yang baik mutu-nya, telah di-jumpai di-Daerah Temburong, dan kawasan tersebut, merupakan harapan kepada sumber pengeluaran batu kerana be-naan2 masa depan, bagi seluroh negeri.

Dalam mashuarat tersebut perkara Rang Perbakalan tidak terkechuali dari di-kritik, oleh ahli2 yang di-pilih, yang bertindak sa-bagai pembangkang. Mereka antara lain menchadangkan, supaya di-berikan kemudahan2 latehan pertukangan, dan mekanik, bagi penuntut, dan pembenaan sebuah limboan untuk memperbaiki kapal2 Brunei.

Sa-orang ahli yang di-pilih, telah menchadangkan, supaya wang simpanan Brunei dari wakil2 kerajaan atau Crown Agents, hendak-lah di-tanam dalam bank di-Amerika, Bank Dunia dan Bank Kemajuan Asia.

Sa-orang lagi ahli yang di-pilih, telah menyekali, penerusan penggunaan bahasa2 selain dari bahasa Melayu, di-beberapa buah pejabat kerajaan, tetapi memuji pehak kerajaan, kerana ranchangan2 perikanan yang di-chadangkan, untuk di-mulakan di-kawasan Sungai Jambu, dekat Bandar Brunei.

Sa-orang ahli yang di-pilih telah menchadangkan pembentokan jawatankuasa2 perkembangan pada tiga peringkat, ia-itu kampung, daerah dan negeri, untuk meranchang dan mengutarakan projek2 dan ranchangan2 perkembangan.

SAMBUTAN NUZUL AL-KOR'AN

(DARI MUKA 1)

kendor2-nya untuk menchapai ilmu pengetahuan yang satinggi-nya".

Baginda juga menyatakan betapa gembira-nya Baginda jika sekira-nya ramai raayat negeri ini mempunyai kelulusan2 yang tinggi dan bersif dengan akhlak yang mulia dan terpuji sa-hingga kita di-negeri ini dapat berdiri di-atas kaki sendiri.

Di-samping itu, Baginda juga telah menyeru pegawai2 Kerajaan supaya menambahkan cheradek pandai dan menambahkan ilmu pengetahuan masing2 yang berhubung dengan lapangan masing2 demi untuk menyempurnakan dan melichinkan pentadbiran negeri ini.

Baginda kemudian-nya melawat mahligai yang di-bena sempena dengan sambutan Nuzul Al-Kor'an itu dan seterusnya merasmikan pembu-

kaan mahligai tersebut.

Dhif2 kenamaan yang menghadhiri upacara itu, termasuk-lah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir dan Yang Amat Berhormat, Pemangku Menteri Besar, Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim.

Perayaan sambutan Nuzul Al-Kor'an itu akan berjalan terus sa-lama sa-minggu hingga 25 Disember, 1967.

Kemunchak bagi perayaan pada hari pembukaan itu ia-lah bacaan kitab suci Al-Kor'an oleh Haji Awang Ismail bin Haji Hashim dari Malaysia ia-itu johan antara bangsa tahun lepas. Beliau telah di-jemput khas oleh Jabatan Hal-Ehwal Ugama untuk memperdengarkan bacaan-nya dalam masa perayaan itu.

Penjualan Setem

BANDAR BRUNEI. — Pejabat2 Pos di-seluruh negeri semalam telah berjaya memperoleh sa-jumlah \$26,320.97 sen hasil dari jualan setem2 keluaran khas kerana memperingati sambutan Nuzul Al-Kor'an yang ke-1,400 tahun.

Setem2 yang telah di-jual ada-lah berjumlah 161,182 keping dari jualan2 yang berharga 4 sen sa-banyak 59,838 keping; 10 sen sa-banyak 48,967 keping; 25 sen sa-banyak 28,631; dan 50 sen sa-banyak 23,746 keping.

Setem2 tersebut akan terus di-jual selama tiga bulan atau sa-hingga ia-nya habis di-jual.



Y.A.M. Pg. Muda Dato S.L.J. Kemaluddin (No. 2 dari kiri) bergambar bersama2 dengan wakil2 Brunei ka-pertandingan membacha Al-Kor'an peringkat antara bangsa di-Kuala Lumpur, seju-bah sa-belum mereka berlepas ka-Kuala Lumpur pada Isnin lepas.